

Hakikat pegangan ekuiti orang Melayu

SAYA merujuk kepada kenyataan Timbalan Perdana Menteri berkaitan punca orang Melayu ketinggalan (*Mingguan Malaysia*, 5 November, 2006).

Kerajaan telah melaksanakan komitmennya untuk membangunkan ekonomi orang Melayu. Hakikat ini perlu diterima oleh orang Melayu. Dari satu perspektif, ia telah pun berjaya di mana struktur ekonomi orang Melayu tidak lagi bertumpu kepada pertanian. Kita telah melihat penglibatan ramai usahawan Melayu dalam pelbagai bidang ekonomi.

Kerajaan juga telah menyediakan prasarana dan persekitaran pembangunan ekonomi yang maksimum bagi manfaat orang Melayu; wang, latihan, bantuan profesional, khidmat runding cara, premis dan ruang niaga. Ini juga hakikat yang semua orang Melayu perlu terima. Dan ramai orang Melayu yang telah mendapat manfaat daripada semua ini.

Hasil daripada langkah yang dilaksanakan, kini terdapat sekurang-kurangnya 10 orang Melayu yang tergolong di kalangan 50 orang paling kaya di Malay-

sia. Di samping itu lebih daripada 3,500 orang Melayu boleh digolongkan sebagai jutawan.

Hampir semua orang Melayu di bandar memiliki kenderaan sendiri manakala yang memiliki kereta mewah juga tidak kurang bilangannya berbanding orang Cina dan India.

Isu sebenar ekonomi orang Melayu ialah pegangan ekuiti dalam kek ekonomi negara. Sasaran kerajaan ialah supaya orang Melayu memegang 30 peratus ekuiti ekonomi negara. Masalah ketirisan dalam perniagaan dan hak milik yang tidak dapat dikekalkan memang antara elemen penyebab kedudukan ekonomi orang Melayu di negara ini masih ketinggalan. Tetapi itu dan lain-lain yang disebut sebagai punca bukan sebenarnya faktor kegagalan.

Dalam merancang dan melaksanakan langkah-langkah pembangunan ekonomi orang Melayu, apa yang tidak pernah diberikan perhatian ialah keperluan kadar lonjakan ke atas pertumbuhan ekonomi orang Melayu. Kita membuat sasaran pegangan ekuiti 30 peratus dalam

tempoh 30 tahun. Kita merancang dan melaksanakan apa yang kita rasa perlu untuk membantu usahawan bumiputera. Akhirnya kita dapati dalam tempoh 20 ke belakang, kita tidak mencatatkan sebarang perubahan dalam pegangan ekuiti orang Melayu. Orang Melayu masih jauh ketinggalan berbanding orang Cina.

Apa yang kita tidak lihat ialah pada nilai tahun 1970, untuk orang Melayu mengejar pencapaian orang Cina, pertumbuhan ekonomi orang Melayu perlu meningkat pada kadar 5 kali ganda pertumbuhan ekonomi orang Cina. Bagi 15 tahun pertama 1970-1995, ekonomi orang Melayu memang meningkat pada kadar yang lebih tinggi daripada orang Cina tetapi pada kadar kurang dua kali ganda.

Bagaimanapun asas nilai tahun 1970 bagi orang Melayu adalah sangat rendah.

Dengan itu pertumbuhan pada kadar dua kali ganda pun, peningkatan ekonomi Melayu masih jauh lebih rendah daripada peningkatan ekonomi orang Cina.

Antara tahun 1995-2000, kadar per-

tumbuhan ekonomi orang Melayu meningkat pada kadar yang tidak banyak berbeza dengan pertumbuhan ekonomi orang Cina; setengah kali ganda sahaja. Masakan dengan kadar pertumbuhan begini, ekonomi orang Melayu mampu mengejar ekonomi orang Cina?

Kita telah banyak bersidang dan berseminar. Kita telah banyak bercakap dan mencari beratus alasan. Apa pun, kita tidak akan mencapai sebarang kemajuan ke atas sasaran pegangan ekuiti selagi ekonomi orang Melayu tidak melonjak sekurang-kurangnya tiga kali ganda ekonomi orang Cina.

Persoalan yang wajib dijawab ialah adakah apa yang kita lakukan untuk membangunkan ekonomi orang Melayu mampu melonjak pada kadar tiga kali ganda pertumbuhan ekonomi orang Cina. Ingat! Asas ekuiti ekonomi orang Melayu adalah lebih rendah daripada asas orang Cina. Pada kadar yang sama, pegangan ekuiti orang Melayu akan terus susut.

- KAMARUZAMAN UJANG
Shah Alam.